



Abdul Rahman (tengah) bersama Raja Tan Sri Arshad (kiri) dan Syed Yasir Arafat melihat laporan tahunan Ekuinas bagi tahun 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Ekuinas terus perkukuh nilai ekuiti Bumiputera

➔ Jumlah pemegang saham semua syarikat portfolio meningkat RM5.6 bilion.

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) berjaya meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM3.9 bilion atau 1.4 kali modal keseluruhan yang dilaburkannya.

Selain itu, nilai pemegang saham keseluruhan bagi semua syarikat portfolio meningkat sebanyak RM5.6 bilion, bersamaan 2.0 kali modal dilaburkan.

Dana Ekuinas Direct (Tranche 1) dan Ekuinas Direct (Tranche 2) oleh Ekuinas masing-masing mencatat pulangan portfolio kasar RM466.4 juta dan RM331.6 juta, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Pertumbuhan dana Ekuinas Direct (Tranche I) itu menunjukkan kadar pulangan dalaman (IRR) tahunan kasar sebanyak 13.1 peratus dan IRR tahunan bersih 9.4 peratus, sekali gus melebihi sasaran minimum jangka panjang pulangan tahunan pada 12 peratus.

Pulangan Ekuinas Direct

Sementara itu, pulangan Ekuinas Direct (Tranche II) pula mewakili IRR tahunan kasar 18.1 peratus dan IRR tahunan bersih sebanyak 12.7 peratus.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, ber-

kata syarikat pengurusan dana ekuiti swasta berkaitan kerajaan itu telah mencatat pencapaian yang agak baik.

"Kami melaksanakan secara agak baik, walaupun persekitaran ekonomi mencabar sejak tahun lalu. Bagi tahun ketujuh, Ekuinas berjaya mengekalkan IRR di atas paras sasaran minimum 12 peratus setahun," katanya kepada pemberita di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir. ➔ **Lihat Ms.B2**

Komitmen pelaburan beri kesan positif

← Dari Ms.B1

Ekuinas telah melaksanakan tujuh pelaburan langsung dan sumber luaran dengan jumlah modal keseluruhan RM172.6 juta pada 2016.

Raja Arshad berkata, komitmen pelaburan terkumpul keseluruhan yang dilaksanakan Ekuinas berjumlah 53 dan bernilai hampir RM3 bilion, yang bersama-sama modal swasta, membiayai jumlah penggunaan modal keseluruhan RM3.6 bilion, sekali gus memberi kesan positif kepada ekonomi.

Beliau berkata, Ekuinas telah melabur sebanyak RM172.6 juta dalam tujuh pelaburan langsung dan sumber luaran, termasuk dua pelaburan langsung dengan modal pelaburan keseluruhan RM123.2 juta.

Lupus pelaburan sulung

Pada 2016, Ekuinas melupuskan pelaburan sulungnya dalam Alliance Cosmetics Group, sekali gus menjana hasil RM61.8 juta dengan IRR 9.0 peratus dan jumlah yang diterima balik sebanyak 1.5 kali modal dilaburkan.

Sementara itu, Syed Yasir Arafat berkata, syarikat portfolio sedia ada Ekuinas secara terkumpul mencatat perolehan melebihi RM1.6 bilion dan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan sebanyak RM392.3 juta.

Melalui portfolionya, Ekuinas menyediakan pekerjaan kepada 498 pengurus dan 16,038 kakitangan pada akhir 2016, daripada jumlah itu masing-masing 40.4 peratus dan 60.3 peratus adalah Bumiputera.

"Ini menunjukkan peningkatan yang baik iaitu 16.9 peratus dan 29.7 peratus masing-masing bagi pengurus dan kakitangan Bumiputera, sejak Ekuinas ditubuhkan pada 2009," kata Syed Yasir Arafat.